

21/07/1997

Phnom Penh fokus persidangan

SUBANG JAYA, Ahad - Mesyuarat persediaan menjelang pertemuan tahunan Menteri Luar Asean bermula di sini esok dengan kemelut Kemboja dijangka menjadi tumpuan persidangan sembilan hari itu.

Bermula dengan mesyuarat pegawai kanan (SOM) dan Jawatankuasa Tetap Asean pagi esok di Sunway Lagoon Resort Hotel dekat sini perhatian dunia difokuskan kepada sidang ini yang akan memperlihatkan kematangan Asean dalam menangani isu serantau dan dunia.

Selain soal keanggotaan termasuk isu Kemboja, Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean (AMM) ke-30 itu juga akan merangka hala baru pertubuhan itu bagi menghadapi alaf baru.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga pengerusi Asean pada Jumaat lalu berkata, pertubuhan serantau itu akan merangka wawasan baru untuk tempoh lima atau 10 tahun akan datang, khususnya dengan kehadiran anggota baru.

Selepas perbincangan di peringkat pegawai, Rabu ini Asean menyaksikan satu lagi detik bersejarah apabila Laos dan Myanmar diterima secara rasmi sebagai anggota baru pertubuhan serantau itu.

Kemasukan Laos dan Myanmar dalam Asean menandakan impian pengasasnya bagi melihat semua 10 negara di rantau Asia Tenggara berada di bawah payung Asean hampir tercapai. Jika tidak kerana kemelut di Kemboja, impian 'Asean 10' itu pasti menjadi kenyataan.

Pada Khamis pula, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan merasmikan AMM ke-30 dan ini juga adalah satu detik bersejarah kerana ia membabitkan dua anggota baru Asean.

Mesyuarat itu dijangka tertumpu kepada isu Kemboja yang menolak usaha Asean menjadi orang tengah di antara Perdana Menteri Kedua negara itu, Hun Sen dan Perdana Menteri Pertama yang disingkirkan, Norodom Ranariddh.

Menteri-menteri luar pertubuhan serantau itu kini terpaksa mengambil pendirian baru serta menentukan tindakan selanjutnya yang akan diambil ke atas Phnom Penh.

Mesyuarat menteri luar selama dua hari itu akan diikuti Forum Serantau Asean (ARF), yang akan menemukan Menteri Luar Asean dan dari 11 negara lain, termasuk Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah (EU), China, Jepun, Russia, India dan Australia.

ARF kini muncul sebagai jentera utama perbincangan berhubung isu politik dan keselamatan di rantau Asia Pasifik.

Isu daripada tuntutan bertindih wilayah di Laut China Selatan, ketegangan di Korea Utara, Myanmar dan Kemboja berkemungkinan besar akan dibahaskan dalam ARF.

(END)